

daripada yang berlaku boleh dipandang ada orang yang menyangka dan berperasaan Tengku telah menggunakan tangan besi di dalam persoalan ini untuk menahan perasaan rakyat yang timbul itu iaitu, suatu cara yang berlainan daripada cara Tengku menghendaki orang-orang yang tidak berkenan dengan Tengku daripada orang bukan Melayu yang biasa dilayannya dengan lemah lembut dan berdiplomasi. Keadaan-keadaan yang demikian ini mungkin menimbulkan orang bertanya apakah terasa bahawa ada rakan-rakan seperjuangan Tengku yang telah berjuang mati-matian dahulu telah berniat untuk menjatuhkan Tengku? Rasanya tidak mungkin dan rasanya tidak akan ada. Pengkhianatan sedemikian itu tidak akan berlaku di kalangan orang-orang Melayu.

Sebab itu menjadi suatu pertanyaan di dalam menghadapi rakan-rakan seperjuangan yang berjuang bersama-sama yang di dalam satu parti, di antara sama sendiri, hendaklah digunakan kebijaksanaan dan mestilah dibahas, dirundingkan dengan halus, dengan secara rumah tangga sendiri – tidak dengan cara dihebah-hebahkan kepada umum. Akibat yang demikian itu, menurut pendapat kita, sangat buruk. Pada masa kekuasaan ada di tangan sememangnya kekuasaan itu boleh kita gunakan tetapi jangan dilupakan bahawa langkah-langkah yang demikian itu mungkin bermakna mencucuh api di dalam sekam yang lama kelamaan api itu semakin besar dan akhirnya tidak dapat dikawal dan akan membinasakan.

Itulah sebabnya kita sentiasa memperingatkan bahawa tiap-tiap suatu langkah yang akan diambil mestilah jangan terburu-buru. Mulut seorang boleh

ditutup tetapi perasaan, hati dan keyakinan orang tidak akan dapat ditahan. Mencari musuh senang, mencari kawan susah dan sebagai orang tua, apa lagi sebagai Tengku Abdul Rahman yang memerintah di dalam menghadapi peristiwa umpamanya atas langkah-langkah yang mungkin diambil ke atas Syed Nasir, yang dahulunya diberi tugas untuk bekerja supaya bahasa Melayu terlaksana sebagai bahasa rasmi yang tunggal menurut kehendak perlembagaan sebagaimana yang kita ketahui di dalam masa menulis ini, nampaknya langkah-langkah itu diambil tidak lagi memikirkan jasa, bakti seseorang yang telah lalu tetapi orang boleh memandang bahawa di belakangnya terletak sifat-sifat membinasakan dan meruntuhkan seseorang seruntuh-runtuhnya dengan melupakan kebaikan jasa-jasa yang telah dibuatnya. Inikah ajaran demokrasi dan inikah ajaran agama Islam yang ada kepada kita?

*

Perkataan yang lemah lembut itu melembutkan hati-hati yang lebih keras daripada batu-batu pejal, dan perkataan yang kasar itu mengasarkannya hati yang lebih halus daripada sutera.

*

Orang yang berakal itu mempunyai dua kelebihan: akal yang memberi faedah dan perkataan yang berguna.

*

Semudah-mudah urusan ialah masuk ke dalam permusuhan; dan sepayah-payah urusan ialah keluar daripadanya.

Diktator Tentera di Indonesia?

Rejim Sukarno telah berakhir. Sukarno telah dilucutkan jawatannya sebagai Presiden Negara Republik Indonesia dalam masa pemerintahan Indonesia sendiri hampir-hampir hancur dan rakyat menderita.

Sukarno yang dahulunya dipuja dan disanjung tinggi, sekarang telah menjadi rakyat biasa dan sekalipun ada pengikut-pengikutnya mungkin gerak-geri mereka akan dapat ditindas oleh kekuatan tentera yang ada sekarang. Kekuasaan tentera berjalan semenjak daripada percubaan komunis hendak merebut kuasa pada bulan Oktober 1965 dahulu yang dengan bantuan rakyat akhirnya dapat menguasai keadaan dan dapat sokongan-sokongan rakyat.

Dengan kekuasaan ini pula maka orang-orang yang menjadi musuh Sukarno dahulunya yang diantaranya telah mengadakan perlawanan yang gagal dengan mengadakan pemberontakan-pemberontakan di Sumatera pun dibebaskan, termasuk di dalamnya pemimpin-pemimpin Masyumi.

Pembebasan-pembebasan itu nampaknya hanya pembebasan peribadi tetapi mereka tidak dibenarkan untuk menubuhkan semula parti mereka (Masyumi) dan parti Islam yang bebas sekarang hanya parti Nahdatul Ulama yang dahulunya berdiri di samping Sukarno di dalam menyertai Nasakom dan sekarang diajak bersama-sama di dalam pemerintahan yang ada.

Dengan adanya ini zahir buat sementara ini bahawa pemerintahan Indonesia belum membuka harapan untuk hidup parti-parti Islam yang